



**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif**

**Hubungan Amalan Kreativiti Dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual : Kajian Kes Guru Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah Di Bintulu, Sarawak**

**Muhammad Khairullah Bin Muhammad Marzidi**

**Sarjana Seni  
2024**

Hubungan Amalan Kreativiti Dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual :  
Kajian Kes Guru Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah Di Bintulu,  
Sarawak

Muhammad Khairullah Bin Muhammad Marzidi

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni

(Visual)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan

Nama: Muhammad Khairullah Bin Muhammad Marzidi

No. Matrik: 21020293

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 24 April 2024

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianNya dan juga pesuruhnya Rasulullah telah memberikan kekuatan, pemikiran, kesejahteraan dan anugerah lain yang diberikan dalam menyelesaikan permasalahan penyelidikan dengan menyiapkan tesis dalam tempoh yang ditetapkan. Pelbagai rintangan yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas dalam proses penyelidikan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik. Disini saya ingin kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyelidikan ini. Pertama sekali, paling saya kasihi ibubapa saya, Encik Muhammad Marzidi Bin Ahmad dan Puan Nergis Binti Jaffar yang selalu memberi semangat kepada saya untuk terus berusaha. Kedua, pihak UNIMAS kerana membenarkan saya melanjutkan pelajaran Sarjana Seni Visual. Ketiga paling penting, Dr. Hakimi Bin Halim sebagai penyelia dalam memberi tunjuk ajar, meluangkan masa, panduan, cadangan dan membimbing melengkapkan tesis ini. Keempat, pensyarah-pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang memberikan memberikan nasihat idea dan membantu dalam pembelajaran sarjana. Kelima, kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu yang membenarkan saya menjalankan kajian di lokasi penyelidikan. Seterusnya kepada guru-guru sekolah rendah daerah Bintulu yang memberi kerjasama dalam penyiapan tesis.. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama semua, secara langsung dan tidak langsung kerana tanpa mereka penyelidikan ini tidak dapat dijalankan baik.

## ABSTRAK

Kurangnya penekanan terhadap kreativiti guru Pendidikan Seni Visual, cabaran penggunaan teknologi dalam pengajaran, dan kekurangan Bahan Bantu Mengajar serta modul khusus merencatkan efektiviti pengajaran dan pembelajaran seni visual di kalangan guru, menimbulkan kebimbangan terhadap keberkesanan pendidikan seni visual. Kajian ini menitikberatkan amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual dengan fokus kepada persediaan, imaginasi, perkembangan, dan tindakan. Tujuannya adalah mengenal pasti perbezaan dalam amalan kreativiti dan komitmen guru berdasarkan jantina serta menilai hubungan di antara amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual. Kajian ini melibatkan 190 guru Pendidikan Seni Visual dengan menggunakan kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik. Analisis deskriptif kajian menunjukkan persediaan, imaginasi, perkembangan, dan tindakan mempengaruhi amalan kreativiti guru. Persediaan memberikan kesan positif pada penyediaan alatan pengajaran, imaginasi menggalakkan idea berterusan, perkembangan membolehkan modifikasi idea, dan tindakan memberikan pengaruh positif terhadap amalan kreativiti guru. Dalam tahap komitmen guru, analisis menunjukkan tingkat komitmen yang tinggi dalam pengetahuan, kemahiran, dan nilai. Ujian t tidak menemui perbezaan signifikan dalam amalan kreativiti dan komitmen guru berdasarkan jantina, menunjukkan kemampuan lelaki dan perempuan dalam menonjolkan amalan kreativiti dan komitmen kerja. Analisis korelasi Pearson pula mengesahkan hubungan yang signifikan antara amalan kreativiti dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual, menunjukkan semakin kreatif seorang guru, semakin tinggi tingkat komitmennya. Kesimpulan kajian ini memberi pemahaman mendalam tentang hubungan amalan kreativiti dan komitmen kerja guru Pendidikan Seni Visual. Implikasinya termasuk cadangan kepada guru untuk meningkatkan amalan kreativiti dan komitmen kerja, serta kepada Kementerian

Pendidikan Malaysia untuk membangunkan strategi dan insentif yang sesuai. Terdapat limitasi kajian, termasuk kekangan masa dan kekurangan kajian berkaitan dengan hubungan amalan kreativiti dan komitmen guru. Sebagai cadangan penambahbaikan, kajian lanjutan boleh memfokuskan kepada pencapaian murid berdasarkan amalan kreativiti dan komitmen guru, serta menyelidiki faktor-faktor lain sebagai moderator. Kajian ini memberi sumbangan penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di Malaysia.

**Kata kunci:** Amalan Kreativiti, Komitmen guru, Pendidikan Seni Visual

***The Relationship between Creative Practices and Commitment of Visual Art Education Teachers: A Case Study of Visual Art Education Teachers in Primary Schools in Bintulu, Sarawak***

**ABSTRACT**

*The lack of emphasis on creativity in Visual Arts Education teachers, challenges in integrating technology in teaching, and insufficient teaching aids and specialized modules hinder the effectiveness of visual arts teaching and learning among teachers, raising concerns about the effectiveness of visual arts education. This study focuses on the creative practices and commitment of Visual Arts Education teachers, emphasizing preparation, imagination, development, and action. It aims to identify gender-based differences in creative practices and teacher commitment and assess the relationship between creative practices and the commitment of Visual Arts Education teachers. The study involved 190 Visual Arts Education teachers, using a quantitative method through a questionnaire. Descriptive analysis revealed that preparation, imagination, development, and action influence teachers' creative practices. Preparation positively affects teaching tool readiness, imagination encourages continuous idea generation, development allows idea modification, and action positively influences teachers' creative practices. In terms of teacher commitment, the analysis indicates a high level of commitment in knowledge, skills, and values. T-tests found no significant gender-based differences in creative practices and teacher commitment, showing both males and females excel in showcasing creative practices and work commitment. Pearson correlation analysis confirms a significant relationship between creative practices and the commitment of Visual Arts Education teachers, indicating that the more creative a teacher is, the higher their commitment level. The study concludes by providing a comprehensive understanding of the relationship between creative practices and work commitment among Visual Arts Education teachers. Implications include*

*suggestions for teachers to enhance creative practices and work commitment, and recommendations for the Malaysian Ministry of Education to develop suitable strategies and incentives. Study limitations, including time constraints and the lack of studies on the relationship between creative practices and teacher commitment, are acknowledged. As an improvement suggestion, future research can focus on student achievement based on teachers' creative practices and commitment, exploring other factors as moderators. This study makes a significant contribution to improving the quality of visual arts teaching and learning in Malaysia.*

**Keywords:** *Creativity Practices, Teachers Commitment, Visual Art Educations*



## ISI KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Isu dan Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Hipotesis	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.6.1 Aspek Akademik	14
1.6.2 Aspek Praktikal	15
1.7 Skop Kajian	16

1.8	Batasan Kajian	17
1.9	Rumusan	18
<b>BAB 2 KAJIAN IITERATUR</b>		<b>19</b>
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Definisi dan Istilah dalam Kajian	19
2.2.1	Definisi Amalan Kreativiti	20
2.2.2	Definisi Komitmen Guru	22
2.2.3	Pendidikan Seni Visual	23
2.3	Kerangka Teori Kajian	23
2.3.1	Teori Kreativiti	23
2.3.2	Teori Komitmen	28
2.4	Kajian-kajian Amalan Kreativiti dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual	32
2.4.1	Kepentingan Kreativiti terhadap Pelajar	32
2.4.2	Kepentingan Amalan Kreativiti Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	38
2.4.3	Amalan Kreativiti Guru PSV	41
2.5	Jurang Kajian	44
2.6	Rumusan	45
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>46</b>
3.1	Pendahuluan	46

3.2	Kerangka Konsep Kajian	46
3.3	Kawasan Kajian	47
3.4	Reka Bentuk Kajian dan Persampelan	47
3.4.1	Reka Bentuk Kajian	47
3.4.2	Populasi Dan Sampel	48
3.4.3	Intrumen Kajian	49
3.5	Kesahan Muka dan Kandungan	51
3.6	Kajian Rintis	52
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	53
3.8	Kaedah Penganalisan Data	56
3.8.1	Deskriptif Statistik	56
3.8.2	Korelasi Analisis	57
3.8.3	Ujian t	58
3.9	Rumusan	59
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN PENYELIDIKAN</b>	<b>61</b>
4.1	Pengenalan	61
4.2	Taburan Demografi Responden	61
4.2.1	Latar Belakang Responden	61
4.2.2	Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual responden	64
4.3	Ujian Kebolehpercayaan	66

4.4	Ujian Normaliti	66
4.4.1	Ujian Kepencongan Skewness dan Kurtosis	67
4.4.2	Histogram	67
4.5	Analisis Deskriptif	68
4.5.1	Tahap Amalan Kreativiti	69
4.5.2	Tahap Komitmen Guru	78
4.6	Analisis Perbezaan Amalan Kreativiti dan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual Berdasarkan Jantina	83
4.6.1	Analisis Perbezaan Amalan Kreativiti Berdasarkan Jantina	83
4.6.2	Analisis Perbezaan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual Berdasarkan Jantina	84
4.7	Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual	85
4.8	Rumusan	87
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>88</b>
5.1	Pengenalan	88
5.2	Gambaran Keseluruhan Kajian	88
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	89
5.3.1	Data Demografi Responden	89
5.3.2	Tahap Amalan Kreativiti	90
5.3.3	Tahap Komitmen Guru	95

5.3.4	Perbezaan amalan kreativiti dan komitmen Guru Pendidikan Seni Visual berdasarkan jantina	100
5.3.5	Hubungan antara amalan kreativiti dengan komitmen Guru Pendidikan Seni Visual	101
5.4	Implikasi	103
5.5	Limitasi kajian	105
5.6	Cadangan penambahbaikan untuk kajian akan datang	106
5.7	Kesimpulan	106
	<b>RUJUKAN</b>	<b>109</b>
	<b>APENDIKS</b>	<b>124</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Mukasurat</b>
Jadual 4.1: Latar Belakang Responden	62
Jadual 4.2: Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual responden	64
Jadual 4.3: Ujian Kebolehpercayaan	66
Jadual 4.4: Taburan Kenormalan	67
Jadual 4.5: Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Amalan Kreativiti	69
Jadual 4.6: Amalan Kreativiti Dari Aspek Persediaan	71
Jadual 4.7: Amalan Kreativiti Dari Aspek Imajinasi	73
Jadual 4.8: Amalan Kreativiti Dari Aspek Perkembangan	75
Jadual 4.9: Amalan Kreativiti Dari Aspek Tindakan	77
Jadual 4.10: Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Komitmen Guru	78
Jadual 4.11: Komitmen Guru Dari Aspek Pengetahuan	80
Jadual 4.12: Komitmen Guru Dari Aspek Kemahiran	81
Jadual 4.13: Komitmen Guru Dari Aspek Nilai	82
Jadual 4.14: Ujian-t Perbezaan Amalan Kreativiti Berdasarkan Jantina	84
Jadual 4.15: Ujian-t Perbezaan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual Berdasarkan Jantina	85
Jadual 4.16: Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual	86
Jadual 4.17: Rumusan Hipotesis	87

## SENARAI RAJAH

	<b>Mukasurat</b>
Rajah 1.1: Struktur Kajian	4
Rajah 2.2: Model Proses Kreatif Terarah	27
Rajah 2.3: Kitaran Proses Kreatif Terarah	28
Rajah 2.4: Model Konseptual Pendidikan Guru, BPG, KPM 2009	31
Rajah 2.5: Kerangka instrumen teori kreativiti Sternberg	36
Rajah 3.1: Kerangka Konsep Kajian	47
Rajah 4.1: Histogram Amalan Kreativiti	68
Rajah 4.2: Histogram Komitmen Guru	68
Rajah 4.3: Taburan Hubungan Antara Amalan Kreativiti Dengan Komitmen Guru Pendidikan Seni Visual	86

## SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
CGS	Centre for Graduate Studies
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
ICEDIP	Inspiration, Clarification, Evaluation, Distillation, Incubation, Perspiration
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PECS	Picture Exchange Communication System
PPP	Pelaksanaan Pentaksiran Pembelajaran dan Pemudahcaraan PdPc
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSV	Pendidikan Seni Visual
TTCT	Ujian Pemikiran Kreatif Torrance
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Seni visual boleh dikategorikan secara meluas sebagai reka cipta yang berkaitan dengan seni halus dan disiplin reka bentuk seperti reka bentuk komunikasi visual, teknologi dan persekitaran. Pendidikan seni visual terdiri daripada pelbagai aktiviti yang boleh membantu pelajar mengembangkan kreativiti dan kemahiran mereka dalam melukis, membuat corak, kerja pembinaan, dan menghasilkan kraf tradisional (Mahsan, 2021). Setiap aktiviti ini menekankan kepentingan pemerhatian, penggunaan yang kreatif, apresiasi seni visual dan penghayatan nilai seni. Bagi kebanyakan pelajar, pendidikan seni adalah salah satu mata pelajaran yang membantu mereka menggunakan kemahiran berfikir kreatif mereka. Itulah sebabnya ia penting di sekolah (Mahsan, 2021).

Menurut Sukarso et al. (2022) amalan kreativiti merupakan isu terpenting dalam pendidikan. Kreativiti ialah keupayaan untuk menghasilkan idea baharu dan mencipta perkara baharu yang berbeza daripada apa yang sedia ada dan disokong dengan kenyataan Fatmawati et al. (2022). Ia memerlukan seseorang individu untuk mempunyai imaginasi yang tinggi, penyelidikan, dan kebolehan untuk membina hubungan di antara maklumat yang lama dan yang sedia ada, kemahiran berfikir secara kritis dan mempunyai kemahiran berfikir yang baik yang boleh menterjemah dan mentafsir idea ke dalam aplikasi praktikal. Kreativiti ialah kebolehan seseorang guru menggunakan gaya pengajaran yang berbeza, serta melaksanakan pelbagai kaedah atau teknik pengajaran, bagi menarik minat pelajar dalam pembelajaran (Fatmawati et al., 2022). Amalan kreativiti dilihat sebagai aspek terpenting

dalam Pendidikan Seni Visual. Maka guru-guru perlu sentiasa mengamalkan amalan ini dalam bilik darjah.

Menurut Heaton et al. (2023), kreativiti seseorang guru dalam pengajaran berkisar kepada strategi dan kaedah yang mereka gunakan untuk menarik minat pelajar untuk belajar dan mencapai objektif yang diinginkan. Buktinya, Bengkel Pembudayaan Kreativiti yang diadakan di Pulau Pinang, diadakakan untuk melatih profesionalisme dan kemahiran kreativiti guru (Laporan Tahunan KPM, 2018). Terdapat banyak variasi dalam cara guru mengajar, bergantung pada kreativiti dan kemahiran mereka dalam menyampaikan pelajaran. Seseorang guru lebih kreatif dan berkesan menggunakan teknik pengajaran baharu, manakala yang lain lebih berpengalaman dan lebih bergantung kepada kaedah tradisional. Realiti hari ini dalam konteks Pendidikan Seni Visual ialah terdapat guru yang tahu menggunakan sumber yang terhad untuk menarik perhatian pelajar, dan ada juga yang menghargai kejayaan dalam menghasilkan karya dan memberi penghargaan kepada pelajar atas usaha mereka. Walaupun kreativiti tidak boleh diajar secara langsung, kajian oleh Sahrir et al. (2020) mendapati bahawa aktiviti pengajaran yang dirancang dengan teliti boleh menerapkan atau mengajarnya secara tidak langsung. Oleh itu, Panduan untuk meningkatkan kualiti pengajaran ke arah yang lebih kreatif diperlukan, sebagai bahan rujukan untuk membantu guru mengukuhkan kemahiran kreatif mereka. Menurut Xiang & Iksan (2019), guru memiliki pelbagai kaedah untuk meningkatkan kreativiti, yang dapat membantu pelajar mewujudkan potensi mereka sebagai seniman yang mempunyai pengetahuan meluas dalam bidang seni.. Selain itu, ia boleh membantu meningkatkan kualiti pendidikan seni.

Tanpa kreativiti diajar di dalam bilik darjah, berkemungkinan pelajar tidak akan mengembangkan kemahiran yang diperlukan. Amalan kreativiti digunakan oleh guru masih


berada di tahap yang sederhana. Pernyataan ini sejajar dengan hasil kajian Sahrir et al. (2020); Rohani et al. (2019); Ayisy & Ashraf (2019) yang menyuarakan perlunya peningkatan dalam amalan kreativiti guru yang berada pada tahap sederhana. Perkembangan kreativiti akan berlaku melalui proses Pelaksanaan Pentaksiran Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) antara guru dan pelajar, seperti yang dinyatakan oleh Torrance (1961). Kreativiti merupakan satu peralatan penting yang perlu dimanfaatkan oleh guru dalam membantu proses pembelajaran pelajar. Daripada kajian ini, jelaslah bahawa pengamalan kreativiti memberikan bantuan kepada pelajar (Adibah & Hafizah, 2021).

Pengamalan kreativiti telah dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk sifat kreatif pelajar, kecekapan guru dalam pengajaran dan perilaku pengajaran yang kreatif, kebolehan guru dalam amalan pengajaran kreatif, ciri personaliti dan penglibatan dalam aktiviti kreatif, pengurusan bilik darjah, serta prestasi pelajar (Atikah & Moi, 2022). Kreativiti boleh meningkatkan amalan pedagogi dan mengubah bilik darjah menjadi tempat pembelajaran yang aktif dan menyenangkan, kerana guru adalah teladan dan mentor dalam bilik darjah. Kreativiti guru adalah penting bukan sahaja untuk penyampaian kandungan kurikulum tradisional. Selain itu, tumpuan harus diberikan kepada proses kandungan yang disampaikan kepada pelajar (Atikah & Moi, 2022).

Sejak tahun 1980-an, terdapat beberapa kajian yang mengkaji keberkesanan pengajaran berasaskan kreativiti di sekolah. Ini telah membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang cara kreativiti boleh dipupuk dalam diri pelajar, dan telah membantu untuk menentukan peranan yang boleh dimainkan oleh pendidikan seni visual dalam membangunkan kemahiran kreatif. Menurut Moses et al. (2022), amalan ini adalah satu kerja yang sukar dan menuntut yang memerlukan banyak dedikasi daripada seseorang yang

bergelar guru. Persoalan sama ada amalan kreativiti sentiasa diterapkan dalam pengajaran PdPc adalah sesuatu yang sukar untuk dijawab. Namun, nampaknya kebanyakan guru Pendidikan Seni Visual mengaplikasikan amalan kreativiti dalam pengajaran mereka, dan penilaian terhadap proses mempraktikkan kreativiti secara langsung selalunya dipengaruhi oleh komitmen guru. Secara keseluruhannya, faktor utama dalam isu amalan kreativiti adalah teknik pengajaran terpenting termaktub dalam kurikulum pendidikan, kemahiran pedagogi yang perlu diterapkan oleh para guru, kewujudan teknologi dengan kesesuaian peredaran masa kini dan komitmen seorang guru.

Secara rumusannya, gambaran keseluruhan penyelidikan ini ditunjukkan dalam Struktur Kajian Al Fateh (SKAF) oleh Norazmi (2021), seperti Rajah 1.1 di bawah :



**Rajah 1.1:** Struktur Kajian

## 1.2 Latar Belakang

Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai visi untuk mempertingkatkan sistem pendidikan di Malaysia agar lebih berdaya saing dan dapat memenuhi hasrat untuk menjadi aspirasi pembangunan negara (KPM, 2013). Guru pendidikan seni visual adalah penting

dalam memupuk kreativiti pelajar, dan mempunyai peranan penting dalam membantu pelajar menemui potensi kreatif mereka. Potensi kreatif mereka dan pelbagai idea baharu dapat dijana melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Nurrabi'atul & Syawal, 2020). Kreativiti menjadi semakin penting dalam pendidikan, sama ada untuk kepentingan pelajar itu sendiri mahupun untuk negara seluruhnya. Menurut Faradillah et al. (2022), sukar untuk menafikan keperluan kreativiti dalam proses pembelajaran. Kajian telah dijalankan untuk memahami perkembangan kreativiti individu dari semasa ke semasa. Pelbagai teori telah diaplikasikan untuk memahami pelbagai fasa pembentukan kreativiti iaitu Teori Kreativiti Sternberg (Rahman & Sukri, 2021), Teori Kreativiti Wallas (Wallas, 1926), Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (TTCT) (Torrance, 1961), dan Model Inspiration, Clarification, Evaluation, Distillation, Incubation & Perspiration (ICEDIP) (Permanawati et al., 2020). Unsur-unsur kreativiti yang ditekankan dalam setiap teori adalah sama. Sebagai contoh, TTCT menilai tahap kreativiti individu melalui aspek kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan penghuraian. Teori Wallas pula menjelaskan tujuan kreativiti dalam kehidupan seseorang berdasarkan empat elemen berikut: pra-perancangan, inkubasi, inspirasi, dan pengesahan. Sebagai seorang guru Pendidikan Seni Visual, adalah penting untuk mempunyai komitmen dan kecekapan yang tinggi. Pemikiran kreatif juga merupakan komponen utama dalam bidang ini, jadi disarankan agar guru menerokainya dalam pengajaran mereka (Al Hashimi, 2022). Paul Torrance percaya bahawa kebolehan untuk membina idea baharu adalah lebih baik dan ia merupakan kemahiran yang tidak ternilai dan mempunyai impak besar kepada dunia. Kemahiran kreatif ini sangat penting dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah perlu untuk menjayakan semua misi, visi, perancangan jangka pendek dan jangka panjang.

Kurikulum pendidikan sentiasa mementingkan aspek amalan kreativiti. Jika sesebuah negara serius untuk mencapai matlamat pendidikan, maka ia memerlukan akauntabiliti yang tinggi terhadap guru, agar strategi dan pendekatan yang dibangunkan mampu dilaksanakan dengan berkesan (Heaton et al., 2023). Pendidikan seni visual direka untuk membantu pelajar mengembangkan kreativiti mereka. Menurut Padzil (2020), kurikulum PAK 21 memerlukan seorang guru yang kreatif, inovatif dan berdaya saing. Selain itu, seorang guru hendaklah dapat menguasai kurikulum, merancang pengajaran dengan baik dan menggunakan bahan pengajaran yang sesuai (Rofian & Shamshinar, 2020). (Rubiyan et al., 2020) pula menekankan kecekapan guru dinilai melalui penguasaan mereka terhadap kurikulum. Oleh itu, guru Pendidikan Seni Visual perlu mahir dalam memahami kurikulum dan menggunakan strategi kreatif dengan berkesan.

Kemahiran pedagogi perlu dikuasai sebaiknya oleh setiap guru terutamanya pengamalan kreativiti. Cabaran untuk mengajar Seni Visual ialah guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan pedagogi supaya dapat mengajar dan memudahkan kelas dengan berkesan di dalam bilik darjah (Lee, 2021). PdPc memerlukan guru Pendidikan Seni Visual membiasakan diri dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan perkembangan, kebolehan, bakat, dan minat murid mereka. Lee (2023) menyatakan seorang guru perlu mempunyai kemahiran mengajar yang bersesuaian dengan tahap akademik pelajar. Untuk mencipta rancangan pedagogi yang berjaya untuk pendidikan seni visual, guru bukan sahaja perlu mengetahui asas pedagogi, tetapi juga perlu menyedari keperluan unik pelajar yang mereka ajar.

Pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi serta gamifikasi merupakan cabaran terbesar buat guru-guru seperti situasi pandemik COVID-19 berlaku dan ini

memberi kesan besar kepada kerjaya seorang guru kerana perubahan sistem pendidikan yang harus dilakukan dengan segera (Ntsiful et al. 2023). Keadaan ini telah menyebabkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan memerlukan guru untuk menguasai dan menyesuaikan diri dengan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ini akan memerlukan banyak fleksibiliti dan kreativiti di pihak guru, dan mereka perlu bersedia untuk membuat perubahan yang diperlukan dalam kaedah pengajaran mereka untuk menyesuaikan pendekatan baharu ini (Marzidi & Halim, 2023). Menurut Rusmini (2020), cara untuk membantu pelajar belajar ialah dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi. Murid juga boleh belajar di rumah menggunakan telefon bimbit sekiranya mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga. Keadaan ini telah memberi kesan positif kepada pembelajaran kerana mereka terdedah kepada teknologi dan multimedia yang boleh merangsang dan menggalakkan mereka belajar pada masa yang sama pembelajaran dijalankan dengan lebih baik, pantas dan berkesan (Noradilah & Sieng, 2019). Selain itu, pendapat Mottan (2019) percaya bahawa gamifikasi atau gamifikasi kinaestetik (KG) adalah kaedah baharu yang diadaptasi secara kreatif oleh guru untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran. Teknik ini sering digunakan untuk menarik perhatian mereka dan memastikan mereka terlibat. Kitikedizah & Maimun (2022) dalam kajiannya juga mendapati penggunaan teknik gamifikasi dan penerapan Model Transaksional Pengetahuan dan Gamifikasi oleh guru mampu mempengaruhi tingkah laku pelajar di samping menggalakkan perubahan tingkah laku. Oleh yang demikian, sewajarnya bagi guru Pendidikan Seni Visual menambah pengetahuan dan kemahiran teknologi seperti gamifikasi agar dapat mengukuhkan amalan kreativiti.

Menurut Kitikedizah dan Maimun (2022), salah satu faktor utama yang menjadikan PdPc berkesan ialah komitmen guru dalam penggunaan bahan kreatif. Pendekatan, kaedah,

dan aktiviti yang digunakan oleh guru juga penting, begitu juga dengan kekuatan bahan itu sendiri. Fizikal dan mental yang kuat adalah penting untuk mencapai pengajaran yang berjaya. Kajian ini mendapati komitmen guru menggunakan kaedah yang disesuaikan dengan tahap pengetahuan pelajar adalah kunci kepada PdPc yang berjaya. Guru seni visual seharusnya mempunyai kefahaman yang baik tentang perkembangan murid bagi menentukan isi kandungan yang terbaik untuk sesuatu pelajaran. Pemahaman ini harus diterapkan kepada semua pelajar, bukan hanya mereka yang bermasalah pembelajaran. Meningkatkan kualiti pengajaran dalam bilik darjah dan menggunakan jumlah tenaga dan masa yang sesuai di dalam bilik darjah dapat membantu memupuk rasa seronok di kalangan pelajar, membawa kepada keinginan untuk belajar dan suka datang ke sekolah. Ini boleh dilakukan dengan memilih bahan yang kreatif dan sesuai. Oleh itu, tahap komitmen seseorang guru sebelum mula mengajar dan belajar adalah amat penting bagi menghasilkan pengajaran yang berkualiti tinggi.

Kewajipan seorang guru untuk mempunyai pemahaman yang baik tentang komponen kreativiti yang diperlukan dalam bidang seni iaitu kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan penghuraian, supaya imej mental dapat dizahirkan dengan sebaik mungkin. Dalam soal kreativiti, guru harus serius dengan penglibatan mereka. Mereka harus berdedikasi untuk memastikan pelajar mereka mempunyai pengalaman kreatif yang terbaik. Guru yang komited dengan kerja mereka lebih cenderung untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan guru yang sedar akan kepentingan peranan mereka dalam meningkatkan kreativiti dalam kalangan pelajar mereka. Ini memberi impak positif kepada pembangunan modal insan yang merangkumi nilai-nilai berteraskan agama, pengetahuan, kemahiran, pemikiran kritis dan inovasi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2023).